

## **BAB 1**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan penggunaan bahasa Melayu pelajar universiti di Selatan Thailand yang mengikuti kursus bahasa Melayu. Bahasa Melayu di negara ini bertaraf sebagai bahasa kumpulan minoriti dan ditawarkan sebagai kursus bahasa asing di peringkat universiti. Sebagai pengenalan, di samping penerangan tentang kajian, bab ini juga membincangkan dasar yang berkaitan dengan bahasa, pendidikan bahasa, dasar pembinaan bangsa dan kedudukan bahasa Melayu di negara Thai.

#### **1.2 Dasar Bahasa di Thailand**

Dasar bahasa amat penting bagi sesebuah negara yang sedang membangun. Negara-negara yang sedang membangun biasanya baru sahaja mencapai kemerdekaan. Apabila kemerdekaan dicapai negara tersebut perlu mempunyai pentadbirannya sendiri dan dasar-dasar pemerintahannya sendiri. Bagi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat pula, negara harus ada lambang kedaulatannya di samping bahasa sebagai alat pemersatu/menyepadukan penduduknya. Negara itu harus ada alat-alat atau lambang-lambang yang

memisahkannya dari negara lain dan juga dari negara bekas jajahannya. Salah satu alat atau lambang itu ialah bahasa.

Thailand merupakan sebuah negara di rantau Asia Tenggara yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa besar, sebaliknya negara ini telah ‘menjajah’ beberapa buah kerajaan Melayu di selatan negara itu dan menjadikan kerajaan tersebut sebahagian daripada wilayahnya. Latar sejarah ini menyebabkan negara ini berbeza jika dibandingkan dengan negara jirannya seperti Malaysia dan Indonesia, dari aspek dasar dan perancangan bahasa.

#### **1.2.1 Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi**

Berdasarkan tipologi dasar bahasa yang dikemukakan oleh Fishman (1971), kita bolehlah mengklasifikasikan negara Thai yang memilih bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal, sebagai tergolong dalam Jenis B, iaitu memiliki satu bahasa yang mempunyai Tradisi Agung yang melebihi bahasa-bahasa bangsa lain yang bermastautin dalam masyarakatnya.

Bahasa Thai merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Thailand. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Worawit Baru. Menurut beliau,

“...BT diperuntukkan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan negara Thai. Semua urusan pentadbiran negara dijalankan dengan menggunakan BT. BT juga berperanan sebagai bahasa berdifusi luas. Oleh yang demikian, BT diberi nilai-nilai tertentu, misalnya nilai sentimen, nilai pentadbiran, nilai ekonomi dan sosial dsbnya.”

(Worawit Baru , 1999:168)

Bahasa Thai yang standard, yakni yang dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini merupakan bahasa yang dituturkan oleh penduduk kawasan Tengah negara Thai.

Di negara ini hanya bahasa Thai yang digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan dari peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat universiti. Hal ini seolah-olah bahasa lain langsung tidak mendapat tempat, walaupun dari segi penduduknya, mengikut Worawit Baru (1999), “...sebahagian besar yang membentuk masyarakat Thai terdiri daripada bangsa Thai dan dikaitkan dengan agama Buddha, bangsa-bangsa lain, misalnya Cina, Morn, Laos, Khmer, Melayu dsbnya. juga merupakan kelompok-kelompok etnik yang penting di negara Thai.”

Pongsri Lekawatana (1994) pula telah menyatakan dan menggambarkan tentang dasar bahasa di negara Thai dan kedudukannya sebagai negara monolingual seperti berikut:

“The impression that Thailand is a nation of one language is probably created by the unstated language policy. There is no mention of the country's official language in any of the several

versions of the Thai Constitution. The fact that all official documents especially the Constitution are in Thai indicates beyond doubt that Thai is the official language. The existence of bilingual communities is not officially recognized and standard Thai is taught as a subject and is the medium of instruction in public and private schools in all parts of the country”

(Pongsri Lekawatana , 1994: 271)

Negara Thai tidak mempunyai sebuah institusi khas yang menjaga urusan berhubung kebahasaan, sebagaimana Malaysia yang mempunyai Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini telah dijelaskan oleh Noss (1984) yang mengatakan,

“..., Thailand has no central government organization that deal directly with language policy, planning, development, and implementation, but rather a large number of government agencies which are, to a greater or lesser extent, responsible for language matters.”

(Noss (1984:74)

Noss *et. al* (1984) juga menghuraikan berbagai-bagai kementerian dan agensi di Thailand yang memainkan peranan dalam membuat rumusan dasar bahasa, perancangan bahasa dan pelaksanaannya, iaitu:

1. Kementerian Pertahanan
2. Kementerian Dalam Negeri
3. Kementerian Pendidikan
4. Biro Hal-ehwal Universiti
5. Majlis Pendidikan Kebangsaan, dan
6. Institut Diraja

Melalui kementerian dan agensi di atas, Thailand telah dapat merealisasikan dasar bahasa dan kedudukannya yang hanya mempunyai bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal dan bahasa-bahasa lain dianggap sebagai bahasa asing. Oleh itu, walaupun bahasa-bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda kumpulan minoriti terbesar di negara itu seperti bahasa Cina (kaum yang asalnya pendatang) dan bahasa Melayu sebagai bahasa kumpulan minoriti kedua terbesar (kaum pribumi wilayah Selatan Thai) adalah dikategorikan sebagai bahasa asing.

### **1.2.2 Bahasa Kumpulan Minoriti**

Seperti negara-negara lain, negara Thai juga mempunyai masyarakat minoriti yang mempunyai bahasa ibunda sendiri yang menjadi identiti kelompok ini. Mengikut Pongsri Lekawatana (1999), kira-kira 80% penduduk Thailand adalah penutur asli bahasa Thai, dan selebihnya bertutur dalam 49 bahasa yang berlainan. Bahasa-bahasa ini tergolong kepada tujuh rumpun bahasa: Tai, Mon-Khmer, Malayo-Polynesia (Melayu, Moken), Tibet-Burma, Karen, Mia-Yao, dan Cina.

Golongan minoriti terbanyak di Thailand ialah orang Cina dan diikuti oleh orang Melayu atau dikenali juga dengan Thai Muslim. Kemudian baharulah

kelompok-kelompok lain yang tinggal di kawasan utara, tengah dan timur laut Thailand.

Masyarakat minoriti ini sebahagiannya merupakan pendatang yang berhijrah ke negara ini sejak abad ke-18 lagi, misalnya seperti komuniti Cina. Achara Wangsotorn (1982) telah menyenaraikan dielek-dielek Cina yang dituturkan oleh masyarakat Cina di Thailand, iaitu dialek Ho, Tae Chiu, Cantonese, Hakka, Hokkien dan Hai Lam. Walau bagaimanapun, dialek yang paling penting dalam komunikasi di kalangan masyarakat Cina ini ialah dialek Tae Chiu. Dialek Tae Chiu berfungsi sebagai bahasa perantaraan di kalangan sebahagian besar komuniti Cina dan juga sebagai bahasa untuk urusan perniagaan di kalangan komuniti Cina. Dialek ini juga merupakan bahasa kumpulan minoriti yang berperanan penting di bandar.

Bahasa Melayu pula merupakan bahasa kumpulan minoriti yang kedua penting. Bahasa ini dituturkan sebagai bahasa ibunda oleh kumpulan minoriti Melayu atau lebih dikenali sebagai Thai Muslim di empat wilayah di Selatan Thailand. Sebenarnya majoriti penduduk di keempat-empat wilayah di Selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat, Pattani dan Satun merupakan orang Melayu yang beragama Islam. Menurut Saynee Mudmar,

“...The Muslim-Malays who constitute the majority of the people in the provinces of Pattani, Yala, Narathiwat, and Satun, and part of Songkla speak a Malay dialect as their mother tongue. In day-to-day affairs, the Muslim-Malays in Pattani, Yala, and Narathiwat

*employ a Patani Malay dialect as their means of communication, especially within their own group.”*

(Saynee Mudmar, 1988:74)

Sebelum kerajaan Thailand mengenakan sekatan dan dasar-dasar tertentu seperti Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, Dasar Penguatkuasaan untuk Orang Muslim dan sebagainya lagi kepada masyarakat Melayu Islam ini, bahasa Melayu amat berperanan. Selain daripada menjadi bahasa ibunda komuniti ini, bahasa ini juga merupakan bahasa komunikasi dan bahasa pendidikan di sekolah-sekolah pondok di wilayah-wilayah tersebut. Walau bagaimanapun, setelah kerajaan Thailand mengambil alih sebahagian besar sekolah pondok dan dijadikan sekolah kerajaan, bahasa Melayu hanya dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran atau mata pelajaran pilihan di sekolah-sekolah tersebut, dengan tulisan jawi menjadi sistem tulisan untuk bahasa Melayu. Sistem tulisan rumi juga kemudiannya dipelajari, hasil daripada buku-buku agama dari negara jiran, yakni Malaysia yang menggunakan tulisan rumi. Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat sambutan yang menggalakkan pada peringkat awal. Namun, didapati sejak tahun-tahun kebelakangan ini masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand ini telah mula menerima sistem tulisan rumi, maka didapati di kelas-kelas tadika Islam<sup>1</sup> telah diperkenalkan sistem ejaan rumi tersebut di samping sistem tulisan jawi.

---

<sup>1</sup> Kelas Tadika Islam biasanya diadakan untuk semua pelajar Islam pada sebelah petang atau hari Ahad.

Bahasa Melayu amat penting bagi umat Islam di Selatan Thailand. Bahasa ini digunakan dalam kebanyakan upacara agama seperti khutbah jumaat, ceramah agama, urusan nikah kahwin dan sebagainya. Menurut Saynee Mudmar,

“The Malay language in Southern Thailand is closely associated with Islam to the extent that the presence of one implies the presence of the other. In the Four Southern Provinces, if a person is a Malay, he is definitely a Muslim, and is understood to speak the Malay Language.”

(Saynee Mudmar, 1988:92)

Bagi pihak pemerintah pula, bahasa kumpulan minoriti ini mula diterima sejak dua dekad yang lalu sebagai bahasa daerah. Menurut Pongsri Lekawatana (1999) dengan penubuhan universiti-universiti daerah maka tercetus minat besar terhadap dialek daerah. Maka telah ditubuhkan pusat pengajian untuk bahasa dan dialek daerah. Oleh itu Universiti Chieng Mai telah menjadi pusat pengajian dialek-dialek utara dan bahasa-bahasa kaum pergunungan. Universiti Khon Kean menjadi pusat pengajian budaya dan dialek-dialek Timur Laut. Universiti Prince Of Songkla pula telah menjadi pusat pengajian Islam dan Jabatan Pengajian Melayu juga ditubuhkan di bawah Fakulti Kemanusiaan. Di samping itu kursus Bahasa Melayu juga ditawarkan di sesetengah universiti di Bangkok, dan di semua universiti yang terletak di Selatan Thailand.

### **1.3 Dasar Pendidikan Bahasa di Thailand**

Pengaruh pendidikan barat mula memasuki negara ini pada zaman pemerintahan Raja Rama IV, dengan datangnya paderi-paderi Barat yang terus menghubungi istana untuk mengajar bahasa Inggeris kepada orang-orang istana. Selepas itu, lama-kelamaan pengajaran bahasa Inggeris telah diajar juga di luar istana.

Pada 11 November 1898, Raja Chulalongkorn mula menjalankan dasar pengembangan pendidikan ke seluruh negaranya, termasuk negeri-negeri di bawah naungannya. Proses pengurusan pendidikan ini melibatkan para ketua sami di negeri masing-masing.

Pada tahun 1906, kerajaan negara ini memikirkan untuk menguruskan pendidikan di sesetengah negeri atau ‘monthon’ yang mempunyai bahasa pertuturan dan bahasa persuratan yang berbeza, dengan tujuan untuk menggalakkan rakyat di wilayah-wilayah tersebut mempelajari bahasa Thai. Menurut Wirowit Baru (1999) Damrong Raja Nuphap, Menteri Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri pada masa itu mempersempahkan pendapatnya kepada Raja Chulalongkorn bahawa terdapatnya ‘monthon’ yang mempunyai bahasa pertuturan dan bahasa persuratan yang berbeza dengan bahasa rasmi negara. Oleh itu, perbezaan penggunaan bahasa ini perlulah diberikan perhatian dan bahasa Thai perlulah diadakan dalam pengajaran di kawasan tersebut.

Sebenarnya pada waktu itu, daerah-daerah yang penduduknya majoriti beragama Islam dan berketurunan Melayu telah mempunyai sistem persekolahan sendiri, sama ada di pondok-pondok ataupun surau. Mereka mengajar tentang agama Islam dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bagi komuniti Cina pula, yakni golongan minoriti terbanyak di negara ini, mereka mempunyai sekolah-sekolah yang mengajar bahasa Cina.

Walau bagaimanapun, kerajaan Thailand telah membuat sekatan terhadap sekolah swasta bermula pada tahun 1918 dengan terbentuknya Akta Sekolah Swasta. Pongsri Lekawatana mengatakan,

“The law required that principals of schools established by aliens must be educated to the standard set by the Ministry of Education, and all foreign teachers must study Thai and pass the language proficiency examination within six months or one year after they begin teaching. The law required that the student be taught Thai until they were sufficiently proficient in the language.”

(Pongsri Lekawatana, 1994:272)

Dua tahun kemudian, iaitu pada 1 September 1921 Raja Rama VI telah mengeluarkan Akta Sekolah Kebangsaan B.E. 2426, yakni Akta Pendidikan Wajib yang dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1921. Akta ini mewajibkan semua ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah di antara umur 7 tahun hingga 14 tahun atau sekurang-kurangnya empat tahun untuk belajar menulis dan membaca

bahasa Thai sehingga mereka dapat menguasai bahasa tersebut. Keperluan ini hanya dapat dipenuhi dengan menghadiri sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Selama tiga jam sehari, subjek hendaklah ditumpukan kepada pengajaran bahasa Thai.

Undang-undang 1921 ini tidaklah dikuatkuasakan sepenuhnya sehingga selepas revolusi 1932. Selepas revolusi tersebut, matlamat kerajaan baru ialah untuk menjadikan sekurang-kurangnya 50% penduduk kenal huruf dan menyediakan pendidikan Thai kepada semua kanak-kanak warganegara Thai supaya mereka menjadi warganegara yang berguna. Kehadiran sekolah Cina dan sekolah-sekolah pondok dan madrasah yang telah lama beroperasi sudah tentulah merupakan rintangan menuju matlamat ini.

Oleh yang demikian, menurut Pongsri Lekawatana (1994) dalam Perang Dunia Kedua, Kementerian Pendidikan melaksanakan Akta Sekolah Swasta dengan ketat. Beberapa tindakan telah dibuat terhadap sekolah bukan Thai, misalnya menurut rekod Kementerian Pendidikan, terdapat 293 sekolah Cina pada tahun 1938. Daripada jumlah ini, 51 ditutup secara sukarela, 242 diperintahkan tutup oleh kerajaan. Masyarakat Cina tidak menyukai akta ini tetapi tidak dapat menentang. Sehingga kini kesannya bahasa Cina boleh diajar di peringkat sekolah rendah tetapi tidak di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, di peringkat universiti dan kolej kursus bahasa Cina atau Mandrin ada ditawarkan. Menurut Manomaivibool (1976, dalam Pongsri Lekawatana 1994), pelajar

mengikuti kursus bahasa Cina di peringkat ini sebagai alat untuk memperluaskan peluang pekerjaan mereka atau untuk kajian daerah. Oleh sebab tujuan mempelajari bahasa Cina peringkat ini sebagai alat dan bukan untuk perpaduan, maka pengajarannya dianggap sebagai bahasa asing, bukannya sebagai bahasa kelompok minoriti.

Hal yang sama juga berlaku kepada sekolah-sekolah pondok atau madrasah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada mulanya. Seperti yang kita sedia maklum empat daerah di Selatan Thai iaitu Narathiwat, Patani, Satun dan Yala merupakan daerah-daerah yang enam puluh peratus daripada penduduknya beragama Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Menurut Pongsri Lekawatana (1994) sistem sekolah pondok mereka telah berjalan lebih daripada tiga suku kurun untuk mendidik anak-anak mereka hidup sebagai orang Islam. Abdulkadir (1987) menyatakan pada mulanya sekolah ini didirikan untuk kanak-kanak di kawasan luar bandar yang terpencil. Namun, sesetengah sekolah pondok di Pattani berkembang menjadi pusat pengajian Islam dan telah menarik pelajar Islam dari daerah lain di Thailand, Kemboja, Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk belajar di sini.

Dengan latar yang demikian, didapati pada peringkat awal penerapan pendidikan wajib melalui Akta Pendidikan Wajib ini tidak dapat diterima oleh ibu bapa Islam di wilayah-wilayah tersebut. Mereka menganggap menghantar anak-

anak ke sekolah kerajaan bermakna mendedahkan anak mereka kepada agama Buddha dan cara hidup Buddha kerana kebanyakan buku teks yang digunakan di sekolah kebangsaan didasarkan kepada kepercayaan dan agama Buddha dan ditulis dalam bahasa Thai baku. Oleh itu, mereka lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah pondok untuk mendapat latihan yang sesuai dengan cara hidup mereka.

Kerajaan Thai dapat merasakan rintangan ini lalu membuat dasar supaya sekolah pondok diletakkan di bawah pengawasan kerajaan. Satu rancangan lima tahun untuk mengubah sekolah pondok menjadi sekolah kerajaan bagi mengajar agama Islam dibuat pada tahun 1961. Rancangan ini bertujuan mempertingkatkan kualiti pengajaran, menjadikannya relevan kepada tuntutan dunia moden dengan memasukkan pengajian Thai dan kemahiran lain yang berguna. Pada bulan Jun 1963, kerajaan Thai telah mengeluarkan perintah supaya semua sekolah pondok didaftarkan dengan kerajaan dalam masa enam bulan. Sekolah ini kemudiannya ditukar menjadi sekolah kerajaan bagi mengajar pengajian Islam dalam masa tiga hingga lima tahun. Oleh itu, kini didapati sekolah-sekolah pondok tersebut sesetengahnya telah menjadi sekolah kerajaan atau sebahagiannya lagi didaftar sebagai sekolah swasta dan tertakluk kepada Akta Sekolah Swasta. Kesannya percubaan untuk menjadikan kanak-kanak Melayu ini menguasai bahasa Thai sejak sekolah rendah lagi telah berhasil. Ramai kanak-kanak ini telah berjaya ke peringkat pendidikan menengah dan tinggi.

Hari ini negara Thai telah mengehadkan dasar pendidikan bahasanya kepada dua, iaitu bahasa kebangsaan dan bahasa asing sahaja. Oleh itu, bahasa kaum minoriti negara ini seperti bahasa Melayu, bahasa Cina, dikategorikan sebagai bahasa asing.

### **1.3.1 Bahasa Kebangsaan**

Seperti yang telah dinyatakan negara Thai telah memilih bahasa Thai Standard, iaitu bahasa yang dituturkan oleh penduduk Bangkok sebagai satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara itu. Oleh itu, bahasa Thai Standard ini merupakan bahasa yang amat penting dalam pendidikan. Bahasa ini telah diajar dan dipelajari sebagai satu mata pelajaran dan juga sebagai bahasa pengantar pendidikan. Achara Wangsotorn (1982) menyatakan, "*It is taught and learnt in term of skills, subject matter, and cultural heritage*".

Kepentingan bahasa Thai sebagai satu mata pelajaran wajib memang tidak dapat dinafikan. Bahasa Thai telah diajar di sekolah rendah, sekolah menengah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat universiti. Sebagai contoh pengajaran bahasa Thai pada peringkat sekolah rendah, menurut Achara Wangsotorn,

"The needs of the region as well as of individual pupils are the foci in developing the language curriculum for primary education. Communicative competence in the receptive skills of listening and reading and in the productive skills of speaking and writing is the

target. Thai is regarded as an avenue to communication, a tool for the acquisition of knowledge, and a means of establishing peaceful coexistence in a democratic society.”

(Achara Wangsotorn, 1982:188)

Sebagai bahasa pengantar persekolah, bahasa Thai merupakan bahasa pendidikan bermula daripada sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Semua sekolah menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa penyampai pengajaran.

Bagi sekolah swasta Cina dan sekolah swasta agama Islam, bahasa Thai merupakan mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh pelajar. Sebagai contoh, di sekolah-sekolah swasta agama Islam, sebelum Akta Pendidikan Swasta (1961) diperkenalkan, bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut adalah bahasa Melayu. Namun selepas akta tersebut diluluskan, bahasa Thai telah secara beransur-ansur mengambil tempat sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah swasta agama Islam, melalui dasar transformasi pondok.

### **1.3.2 Bahasa Asing**

Bahasa asing yang diajar di sekolah dan institut pengajian tinggi Thailand ialah bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Melayu, bahasa Perancis, bahasa Arab , bahasa Sepanyol, bahasa Itali, bahasa Rusia, bahasa Pali, bahasa Sanskrit dan bahasa Khmer. Bahasa asing yang paling penting ialah bahasa Inggeris. Oleh itu bahasa ini telah dijadikan mata pelajaran yang penting bermula daripada

pelajar berada di gred 5 persekolahan di sekolah kerajaan. Menurut Achara Wangsotorn (1982), “*English used to be compulsory from grade 5 to university...* ”.

Bahasa Melayu yang merupakan bahasa golongan minoriti kedua terbanyak di negara ini telah juga ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing, tetapi hanya di peringkat universiti sahaja. Bahasa Melayu tidak dijadikan sebagai mata pelajaran wajib, sebaliknya hanya sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah dua aliran, iaitu sekolah yang ada aliran kebangsaan dan agama. Walau bagaimanapun, terdapat banyak sekolah swasta Islam yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pengajaran atau sebagai satu mata pelajaran. Sehingga tahun 1982, terdapat 148 buah sekolah di empat buah wilayah di selatan Thailand, iaitu di Yala, Narathiwat, Pattani dan Satun mengajar bahasa Melayu. Angka ini merupakan 3.47 peratus daripada keseluruhan sekolah rendah dan sekolah menengah di negara ini. Kementerian Pendidikan juga menawarkan program prasekolah dalam bahasa Melayu yang berorientasikan budaya Thai bagi persediaan kanak-kanak ini memasuki sekolah yang menggunakan bahasa Thai Standard sebagai bahasa pengantar.

Bahasa Melayu ini pada mulanya menjadi bahasa pengantar di kebanyakan sekolah pondok di Selatan Thai. Di Selatan Thai, sistem sekolah pondok telah berjalan lebih daripada 350 tahun yang fungsinya untuk mendidik kanak-kanak dan masyarakat Islam di wilayah tersebut. Bagaimanapun, bermula

pada tahun 1961, kerajaan Thailand telah mengubah sekolah pondok menjadi sekolah kerajaan bagi mengajar agama Islam. Pongsri Lekawatana (1999) mengatakan rancangan ini bertujuan mempertingkatkan kualiti pengajaran, menjadikannya relevan kepada tuntutan dunia moden, dan memasukkan pengajian Thai dan kemahiran lain yang berguna. Melalui rancangan ini juga, bahasa Thai telah digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah pondok tersebut.

Di samping bahasa Melayu, bahasa Cina yang merupakan bahasa kelompok minoriti terbanyak, yang kebanyakan penutur jatinya tinggal di kawasan bandar, juga merupakan bahasa asing yang berperanan penting. Seperti bahasa Melayu, bahasa Cina juga tidak diajar di sekolah kerajaan. Bahasa ini telah diajar di sekolah swasta Cina untuk kepentingan komuniti China. Menurut Achara Wangsotorn (1982), "*Throughout the country there are 164 Chinese primary schools offering education in grades 1-4 or grades 1-6. This number represents only 3.84 per cent of the total number of primary and secondary schools in the country.*"

Walau bagaimanapun, sejak tahun 1918 lagi kerajaan Thailand telah mengawal sekolah bukan Thai ini dengan pengishtiharan Akta Sekolah Swasta. Kemudian apabila merasakan mereka masih belum berjaya melalui akta tersebut, pada tahun 1921 telah diistiharkan pula Akta Pendidikan Wajib, yang menghendaki semua kanak-kanak berumur di antara 7 hingga 14 tahun menghadiri sekolah rendah sekurang-kurangnya 4 tahun. Menurut Pongsri

Lekawatana (1999), keperluan ini hanya dapat dipenuhi dengan menghadiri sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang mematuhi kursus pengajian bahasa Thai dan menggunakan buku teks yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

Bagi masyarakat Cina pada umumnya mereka tidak setuju dengan dasar ini kerana bukan sahaja pelajar-pelajar itu memahami bahasa Thai lebih daripada bahasa Cina, malah mereka juga langsung tidak memahami budaya Cina. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat menentang. Namun begitu, menurut Pongstri Lekawatana (1999), kepentingan bahasa Cina dalam dunia perniagaan memang diiktiraf. Oleh itu, kini dapat dilihat kursus bahasa Cina ditawarkan di beberapa buah kolej dan universiti.

Bahasa-bahasa asing yang lain seperti Perancis, Jerman, Jepun dan Arab Moden merupakan mata pelajaran pilihan di sekolah-sekolah menengah atas. Bahasa Perancis diajar sebagai mata pelajaran pilihan untuk kursus-kursus yang berkaitan dengan pelancongan. Begitu jugalah bagi bahasa Jerman, Jepun dan Arab Moden.

Bahasa Pali, Sanskrit dan Khmer umumnya diajar di peringkat pendidikan tinggi. Achara Wangsotorn (1982) mengatakan, "*These classical languages are studied for their linguistics and historic values, with particular emphasis on their relationships with the Thai Language.*"

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa dari aspek pendidikan bahasa, negara Thai memberikan tumpuan utama kepada bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara tersebut. Bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa kumpulan minoriti dikategorikan sebagai bahasa asing. Bahasa asing diajar atas beberapa tujuan, iaitu bagi hubungan antarabangsa dan teknologi moden, maka bahasa Inggeris dijadikan sebagai satu bahasa asing yang penting dan diajar bermula peringkat sekolah rendah. Bagi tujuan pelancongan, bahasa-bahasa seperti Jerman, Perancis, Jepun dan sebagainya diajar di peringkat menengah atas. Bahasa Cina dan bahasa Melayu tidak diajar di sekolah kerajaan sebaliknya di sekolah swasta kepunyaan masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini bahasa tersebut telah ditawarkan di beberapa buah universiti dan kolej sebagai mata pelajaran pilihan.

#### **1.4 Dasar Pembinaan Bangsa di Thailand**

Negara Thai merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa. Oleh itu, kerajaan negara ini bebas melakukan dasar pembinaan bangsa mengikut acuan sendiri. Bangsa Thai merupakan satu bangsa yang besar dan telah lama dikenali. Menurut Worawit Baru (1999), masyarakat Thai terdiri daripada beberapa kelompok etnik, seperti Siam, Cina, Morn, Khmer, Laos, Melayu serta suku orang bukit yang mendiami kawasan-kawasan di bahagian Utara Negara Thai. Di antara suku-suku kaum tersebut, orang Thai keturunan Melayu atau dikenali dengan Thai Muslim

merupakan kaum yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berbeza daripada kelompok-kelompok lain dari segi agama, budaya dan cara hidup. Golongan Thai Muslim atau orang Melayu ini dimasukkan ke bawah pemerintahan Thai mengikut Perjanjian Inggeris-Siam pada 1909 di antara kerajaan Inggeris dengan Thailand.

Secara umum, kerajaan Thailand menggunakan dua bentuk dasar pembinaan bangsa Thai (Universiti Sukhothai Thammathirat, 1989), iaitu dasar integrasi dan dasar asimilasi.

Melalui dasar integrasi, kerajaan membenarkan kelompok-kelompok etnik di Thailand mengamalkan budaya-budaya mereka dengan bebas mengikut kepercayaan masing-masing asalkan mereka taat dan setia kepada negara.

Pada masa yang sama, kerajaan menggunakan dasarkan asimilasi supaya kelompok-kelompok etnik di Thailand menerima serta mengamalkan budaya kebangsaan, iaitu kebudayaan Thai. Dasar asimilasi ini dilaksanakan berasaskan kuasa kerajaan yang berbentuk paksaan. Dasar ini dijalankan terhadap kelompok-kelompok etnik minoriti agar meninggalkan semua identiti asal kelompok dan mengamalkan identiti-identiti kebudayaan Thai secara keseluruhan.

Di Thailand, orang Melayu merupakan golongan minoriti (Worawit Baru, 1990). Oleh itu mereka merupakan antara kumpulan etnik yang terpaksa menerima dasar-dasar tersebut.

Kerajaan Thailand memang menganggap orang Melayu di Thailand berbangsa dan berketurunan Thai, sejak termeterainya Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Melalui perjanjian tersebut, wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand telah diasingkan daripada negeri-negeri Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Namun begitu, pada hakikatnya mereka ialah orang Melayu yang berbangsa dan berketurunan Melayu. Kerajaan Thai berusaha menjalankan dasar pembinaan bangsa terhadap etnik Melayu ini mengikut aggapan dan prinsipnya. Bagaimanapun, dalam proses pelaksanaan, dasar terhadap orang Thai berketurunan Melayu ini selalu terpesong daripada dasar asas kerajaan yang sebenar (Universiti Sukhothai Thammathirat, 1989 dalam Worawit Baru 1999).

Bagi tujuan merealisasikan dasar pembinaan bangsa Thai ini, kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai rancangan dan dasar terhadap masyarakat Thai dan ada juga dasar yang dibuat khusus bagi orang Thai berketurunan Melayu ini. Antara dasar-dasar tersebut ialah Dasar Penyusunan Negeri-negeri Melayu atau Dasar Pecah dan Perintah, Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-Orang Melayu, Dasar Reformasi Pemerintahan, Dasar Pengurusan Pendidikan, Dasar Penguatkuasaan Akta Sekolah Kebangsaan atau Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, Dasar Penggunaan Istilah “Thai Muslim” untuk Orang

Melayu, Dasar Penggunaan Nama Keluarga, Dasar Penguatkuasaan Undang-Undang untuk Orang Muslim dan sebagainya lagi.

Kerajaan Thai beranggapan salah satu halangan pokok yang menyekat pencapaian dasar integrasi dan asimilasi yang dijalankan oleh kerajaan ialah orang Thai yang berketurunan Melayu ini (peringkat awalnya) membezakan diri mereka daripada bangsa Thai dan tidak mahu menggunakan bahasa Thai. Keadaan ini menimbulkan perasaan keterasingan di antara penutur Bahasa Melayu dengan penutur bahasa Thai. Oleh itu, menurut Worawit Baru (1999), kerajaan telah mengambil langkah menjayakan dasar peningkatan penggunaan bahasa Thai dengan mengasingkan terlebih dahulu bahasa Melayu dengan individu Melayu. Bagi tujuan tersebut istilah “Melayu” yang merujuk kepada bangsa Melayu Thai ini telah ditukar kepada istilah “Thai Muslim”. Maka secara perlahan-lahan golongan Melayu ini hilang daripada negara Thai. Yang ada ialah orang Thai Muslim yang terdiri daripada beberapa keturunan dan tidak didiskriminasikan oleh bahasa dan bangsa rumpunnya.

Penghilangan dan penghapusan istilah “orang Melayu” bererti penghapusan bahasa Melayu dari negara Thai. Penggunaan istilah “Thai Muslim” untuk merujuk kepada orang Melayu secara perlahan-lahan menyingkirkan bahasa Melayu daripada diri orang Melayu di Thailand.

Secara umumnya, sehingga hari ini kerajaan Thai telah berjaya membentuk bangsanya mengikut acuan sendiri. Dasar-dasar integrasi dan asimilasi yang dikenakan terhadap kaum minoriti di negaranya bolehlah dikatakan berjaya. Ini dapat dilihat daripada keadaan masyarakat Melayu atau Thai Muslim di sana yang telah menerima bahasa Thai sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan melalui sistem pendidikan. Hari ini, bahasa Thai juga merupakan bahasa yang melambangkan identiti mereka sebagai bangsa Thai. Integrasi dan asimilasi yang dijalankan oleh kerajaan melalui Dasar Pengurusan Pendidikan, Dasar Penguatkuasaan Akta Sekolah Kebangsaan atau Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, merupakan pelaksana kepada dasar bahasa negara dan dasar pembentukan bangsa negara itu.

### 1.5 Bahasa Melayu di Selatan Thailand

Di wilayah-wilayah Selatan Thai, khususnya di Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun, kedudukan bahasa Melayu amat dipengaruhi oleh faktor masyarakat, sejarah, geografi dan politik. Dari segi sejarah, Selatan Thai ini memang merupakan wilayah Melayu dengan bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan dalam segala urusan pentadbiran dan kehidupan harian. Worawit Baru (1999) mengatakan sebelum 1808, iaitu zaman kerajaan Melayu Patani belum dihapuskan oleh kerajaan Siam, wilayah Pattani<sup>2</sup>, Narathiwat dan Yala ini

<sup>2</sup> Perkataan Pattani merupakan terjemahan sebutan bahasa Thai bagi merujuk kepada wilayah Pattani. Patani merupakan perkataan bahasa Melayu. Perkataan ini digunakan apabila merujuk kepada orang, dialek Melayu di kawasan tersebut dan kerajaan Melayu di kawasan tersebut sebelum diserahkan ke bawah naungan Siam.

merupakan antara wilayah-wilayah yang berada di bawah kekuasaan kerajaan Melayu Patani. Pada masa dahulu kerajaan Melayu Patani ini merupakan sebuah negeri yang berdaulat dan sebelum abad ke-15 dikenali dengan nama Langkasuka. “..., Kerajaan Melayu Patani muncul di samping kemunculan kerajaan Majapahit di selatan Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-13 dan ke-18 (Ismail Hamid, 1988).

Sehubungan itu, masyarakat yang merupakan penduduk peribumi kawasan ini pada zaman dahulu adalah orang Melayu yang beragama Islam. Mengikut sejarah perkembangan Islam di kepulauan Melayu, pada abad ke-14 pedagang Arab dan India telah datang menyebarkan agama Islam di rantau ini, termasuklah negeri Patani. Dari segi geografi, wilayah-wilayah Selatan Thai ini adalah bersempadan dengan Malaysia yang merupakan sebuah negara yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu, berbahasa Melayu, beragama Islam dan hidup mengikut adat istiadat bangsa Melayu.

Walau bagaimanapun, Perjanjian Inggeris-Siam telah mengubah sejarah dan politik wilayah-wilayah ini dengan menyerahkan kawasan ini (termasuk Satun, yang dahulunya sebahagian daripada negeri Kedah) kepada naungan kerajaan Siam. Bermula dari tarikh itu, maka kawasan ini bukan lagi di bawah pentadbiran kerajaan Melayu Islam. Raja Melayu dihapuskan dan sehingga hari ini berbagai-bagai dasar telah dijalankan oleh kerajaan Thai bagi tujuan asimilasi, supaya setiap anggota masyarakatnya menjadi bangsa Thai yang sejati, yakni

dengan memberi tekanan kepada masyarakat Melayu Islam di sini terhadap mempelajari bahasa Thai dan menguasai bahasa tersebut kerana bahasa ini merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Walau bagaimanapun, menurut Worawit Baru (1999), orang Melayu di Negara Thai masih menggunakan bahasa Melayu dan mengamalkan adat dan budaya Melayu, khususnya bagi yang tinggal di kawasan sempadan Selatan Thai yang sering berhubung dengan masyarakat Melayu Malaysia. Keadaan sedemikian menyebabkan wilayah-wilayah tersebut menjadi benteng yang kukuh yang selalu menerima saluran bahasa Melayu dan budaya Melayu daripada negara jirannya. Tambahan pula, Pattani masih lagi memainkan peranan penting sebagai pusat pengajian Islam, yang secara tidak langsung mengukuhkan status bahasa Melayu di kawasan tersebut. Bahasa Melayu diajar di Tadika, iaitu kelas-kelas khas untuk masyarakat Islam belajar tentang Islam, sama ada di surau, masjid atau sekolah-sekolah tertentu pada sebelah petang atau hari minggu. Di peringkat pengajian tinggi pula, bahasa Melayu ditawarkan sebagai satu kursus bahasa asing, dan bagi pelajar yang mengikuti bidang Pengajian Islam, kursus bahasa Melayu merupakan salah satu mata pelajaran penting.

### **1.5.1 Bahasa Melayu yang Diajar di Sekolah/Universiti**

Oleh sebab bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar pendidikan di kalangan masyarakat Islam sejak zaman kerajaan Melayu Patani, maka pada

dasarnya bahasa Melayu telah digunakan dalam sistem pendidikan agama Islam di Selatan Thai lebih kurang 500 tahun. Setelah kawasan tersebut dengan rasminya menjadi kawasan Siam (1909), kesannya pengajaran bahasa Melayu di wilayah-wilayah tersebut juga dipengaruhi oleh dasar politik kerajaan Siam atau Thailand.

Menurut Worawit Baru (1999), ketika zaman kerajaan Phibul, iaitu kerajaan negara Thai dari tahun 1948 hingga 1957, bahasa Melayu telah mendapat tempat dalam sistem pendidikan nasional, iaitu diajar di sekolah-sekolah kerajaan. Namun selepas itu, bahasa Melayu tidak lagi dimasukkan dalam sistem pendidikan nasional. Ini kerana selepas itu kerajaan Thai menjalankan dasar asimilasi melalui pendidikan.

Sekarang kedudukan bahasa Melayu telah diakui oleh kerajaan sebagai bahasa daerah. Menurut Ilyas Mahyudin,

“Dukungan terhadap bahasa ini telahpun diberikan dengan membuka kesempatan bagi orang-orang Melayu untuk belajar bahasa Melayu, mulai dari tingkat TADIKA, sampai peringkat universiti. Pada peringkat TADIKA, bahasa Melayu diajar sebagai mata pelajaran asasi, di samping bahasa Arab, hal ini sesuai dengan sukanan pelajaran yang ditetapkan Kerajaan. Adapun di sekolah-sekolah Swasta Agama Islam, pada peringkat Dasar Agama, bahasa Melayu merupakan pelajaran asasi bagi bidang agama, namun pada peringkat Menengah Agama, bahasa Melayu menjadi mata pelajaran elektif. Sedangkan pada peringkat Atas Agama, Bahasa Melayu tidak diajarkan. Bagaimanapun pada umumnya, Sekolah-sekolah Swasta Agama ini masih mengajarkan Bahasa Melayu pada peringkat Atas Agama, meskipun tidak ditetapkan dalam kurikulum kerajaan.”

(Ilyas Mahyudin ,1995:602)

Bahasa Melayu yang diajar di sekolah dan universiti agak berbeza dengan bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Di universiti kursus bahasa Melayu yang ditawarkan adalah bahasa Melayu Standard, iaitu bahasa Melayu yang formal seperti yang diajar di sekolah-sekolah di Malaysia.

Kedua-dua sistem tulisan, iaitu tulisan jawi dan tulisan rumi untuk bahasa Melayu diperkenalkan kepada pelajar. Walau bagaimanapun di Tadika, sistem tulisan Jawi lebih diberi keutamaan kerana kepentingan bahasa Melayu lebih utama dalam urusan yang berkaitan dengan urusan keagamaan, yakni agama Islam, terutamanya dalam urusan nikah kahwin. Sebagai contoh, lihat *Lampiran 3: Surat Nikah atau Surat Keterangan Nikah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Yala* yang bertarikh 4 Zulkaedah 1423 (17 Januari 2003) ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi.

Hasil temu bual dengan pensyarah-pensyarah yang mengajar bahasa Melayu di Universiti Prince of Songkla, Pattani didapati mereka mengajar kedua-dua bentuk sistem tulisan tersebut kepada pelajar. Namun bagi bidang Pengajian Melayu, sistem tulisan rumi lebih diberi keutamaan. Buku *Tatabahasa Dewan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia dijadikan sebagai panduan. Di universiti ini juga, kebanyakan bahan rujukan dan majalah-majalah dalam bahasa Melayu yang menjadi bahan bacaan pelajar adalah dibeli dari Malaysia atau diberi secara percuma oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala

Lumpur. Sebagai contoh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka menghantar secara percuma setiap bulan majalah seperti *Jurnal Dewan Bahasa*, *Dewan Bahasa*, *Pelita Bahasa* dan sebagainya kepada Jabatan Pengajian Melayu universiti tersebut.

Hal yang sama juga berlaku di Universiti Walailak. Oleh sebab universiti ini mengadakan usaha sama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM), pensyarah yang mengajar kursus bahasa Melayu di universiti ini adalah pensyarah kursus bahasa Melayu di UiTM. Bahan-bahan rujukan dan bahan pengajaran juga adalah bersumberkan buku-buku dan majalah bahasa Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sebenarnya sejak akhir-akhir ini secara tidak langsung pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memberi kerjasama dan bantuan kepada hampir semua universiti di Thailand yang menawarkan kursus bahasa Melayu. Ini dilakukan melalui *Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu*. Majlis yang dilancarkan pada 21 Ogos 2000. Penubuhan majlis ini bermatlamat untuk melaksanakan dan menyelaraskan segala kegiatan yang menjurus kepada perkembangan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat antarabangsa.

Kegiatan majlis tersebut meliputi kerjasama dalam penubuhan dan pengukuhan pusat Pengajian Melayu di institusi pengajian di peringkat antarabangsa; kurikulum dan bahan pengajaran/pembelajaran; program pertukaran sarjana/pelajar/penyelidik pengajian Melayu di kalangan negara anggota; skim

pertukaran/pemberian bahan berbahasa Melayu atau bahan tentang peradaban Melayu di kalangan negara anggota; penyediaan bahan pelajaran berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang; membantu penerbitan sumber rujukan/bahan rujukan yang relevan; pertemuan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat antarabangsa dan program galakan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu melalui anugerah, hadiah, sumbangan, geran dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu yang diajar di pusat pengajian tinggi di Thailand adalah bahasa Melayu Standard sama seperti bahasa Melayu yang diajar di sekolah atau pusat pendidikan di Malaysia. Bahasa Melayu Standard ini agak berbeza dengan dialek Melayu yang digunakan dalam pertuturan harian di Selatan Thai dari beberapa segi, terutamanya dari segi sebutan dan sebahagian perbendaharaan kata.

#### **1.5.2 Bahasa Melayu yang Digunakan dalam Pertuturan Harian**

Secara umum, bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan atau perbualan harian di Selatan Thai ini agak berbeza, jika dibandingkan dengan bahasa Melayu Standard di Malaysia. Perbezaan itu dapat dilihat dari segi sebutan, makna sesetengah perkataan, dan banyaknya pengaruh bahasa Thai. Banyak perkataan daripada bahasa Thai dipinjam, terutamanya yang berkaitan dengan urusan kerajaan dan media massa. Di samping itu, semasa berhubung,

masyarakat penutur dialek Melayu Patani sering melakukan percampuran kod, iaitu dengan menggunakan bahasa Thai.

Jika dilihat dari segi sebutan, didapati bahasa Melayu yang dituturkan di Pattani, Yala dan Narathiwat mempunyai ciri-ciri persamaan dengan dialek Melayu yang dituturkan di Kelantan. Bagi wilayah Satun pula bahasa Melayu yang digunakan mempunyai ciri persamaan dengan dialek Kedah dan Perlis. Saynee mengatakan,

“This linguistic difference is caused in part by the geographical location of the two communities being separated by a Thai-speaking province of Songkla. Satun Malay, therefore, can be easily classified as belonging to the Perlis-Kedah dialect, the name which refers to the two adjacent west coast Malaysia states. On the other hand, Patani Malay is a dialect very close to the one spoken by the people in the east coast Malaysian state of Kelantan.”

(Saynee Mudmar, 1988:89 )

Sebenarnya ciri-ciri bahasa ini juga dipengaruhi oleh faktor sejarah. Sebelum 1851 Satun adalah salah sebuah negeri di bawah naungan kerajaan Kedah. Kemudian pada tahun 1897 negeri Kedah, Perlis dan Satun ditakbir di bawah Monthon Saiburi (kerajaan Siam). Walau bagaimanapun, selepas perjanjian Inggeris Siam 1909, Satun telah diserahkan kepada kerajaan Thai, manakala negeri Kedah dan Perlis diletakkan di bawah pentadbiran Tanah Melayu, kini Malaysia. Menurut Worawit Baru (1999), oleh sebab Satun sejak dari asalnya merupakan satu jajahan kecil kerajaan Kedah, maka hubungan Satun

dengan dunia Melayu ketara sekali. Dengan itu, bahasa Melayu yang digunakan di Satun sangat mirip dengan dialek Kedah dan Perlis. Sehingga hari ini bahasa Melayu (Dialek Melayu Satun) masih digunakan secara meluas di beberapa buah kampung Melayu.

Bagi wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat pula, jika ditinjau dari segi sejarah sebelum 1808 semua wilayah ini di bawah pemerintahan Negeri Patani, yang menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dan urusan pentadbiran negeri. Melalui perjanjian Inggeris Siam (1909), negeri Patani telah diserahkan kepada kerajaan Siam sepenuhnya. Di bawah pentadbiran Siam (kini kerajaan Thai), negeri Patani ini telah dipecahkan kepada empat buah negeri, iaitu Pattani, Yala, Saiburi dan Rengek di bawah Monthon Pattani (kerajaan Siam). Sejak tahun 1933 hingga ke hari ini, negeri-negeri tersebut menjadi wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat yang tertakluk kepada kerajaan Thai yang menggunakan bahasa Thai dalam urusan pentadbiran dan pendidikan. Namun penduduk Islamnya masih menggunakan bahasa Melayu dialek Patani dalam hal-hal tertentu.

Perbezaan yang jelas di antara Bahasa Melayu Standard dengan bahasa Melayu yang dituturkan di tiga wilayah ini dan bahasa Melayu yang dituturkan di Satun dapat dilihat dari aspek fonologi. Sebagai contoh, bahasa Melayu di ketiga-tiga wilayah ini menggunakan [æ] bagi menggantikan fonem [a] pada suku kata akhir tertutup dan dengan bunyi konsonan nasal, manakala bahasa Melayu yang dituturkan di Satun, menggunakan fonem [a] pada suku kata akhir tertutup seperti:

AS1193 GG31

<b>Dialek Melayu Patani</b>	<b>Dialek Satun</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
makæ	makan	makan
jalæ	jalan	jalan
abæ	abang	abang

Dalam Dialek Melayu Pattani yang dituturkan di ketiga-tiga wilayah tersebut, seperti dalam contoh di atas bunyi konsonan nasal di akhir (iaitu n, m dan ng/g) hilang, tetapi tidak dalam Dialek Melayu Satun.

Menurut Worawit Baru (1999), dialek Melayu yang digunakan di Satun sama atau sangat mirip kepada dialek Perlis dan Kedah. Oleh itu, dari aspek perbendaharaan kata, seperti dalam dialek Kedah terdapat banyak juga perbendaharaan kata yang agak berbeza sebutannya dengan bahasa Melayu Standard, seperti:

<b>Dialek Melayu Satun</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
kærã	kira
tanã	tanda
nu:ri	kenduri
timã	timba

Dalam Dialek Melayu Satun ini, terdapat juga perbendaharaan kata yang berbeza dengan bahasa Melayu Standard, seperti:

<b>Dialek Melayu Satun</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
pěñécóy	melarikan diri
měñenyéh	berkelakuan sumbang/miang
gòdam	pukul
hèmøy	menonjol-nonjol diri

Dari aspek perbendaharaan kata, dalam Dialek Melayu Patani juga terdapat banyak perkataan yang berbeza dengan bahasa Melayu Standard, seperti contoh-contoh berikut:

<b>Dialek Melayu Patani</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
bomo	doktor
gege	bising
gagoh	kuat
sokmo	sentiasa
lek-lek	kecil-kecil

Tambahan pula dalam dialek Melayu Patani ini banyak perbendaharaan kata dari bahasa Thai yang dipinjam. Perkataan-perkataan yang berhubung dengan teknologi moden, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya merupakan

perkataan yang sering dipinjam dan digunakan semasa bertutur dalam dialek Melayu Patani.

Contoh Perkataan yang Dipinjam Dari Bahasa Thai

Dialek Melayu Patani	Bahasa Melayu Standard
dara	artis
thanakan	bank
puwa	gabenor
faifa	elektrik
phuten	wakil rakyat

Didapati juga bahasa Thai amat berpengaruh dalam penggunaan bahasa Melayu. Ketika bertutur, perkataan atau rangkai kata dari bahasa Thai sering dipinjam dan ini menyebabkan dalam perbualan didapati sering berlakunya tukar ganti kod, seperti dalam rakaman perbualan berikut:

A: /Sapo ambek tandeng *phuten*/  
(Siapa yang bertanding untuk wakil rakyat?)

B: /Katonya *kru* Ku Sin/  
(Katanya cikgu Ku Sin)

A: /Sapo-sapo pong takpo, janji wi keno jale. *Nayuk* loni pong napok jale molek/  
(Sesiapa pun boleh, asalkan bagus. Perdana Menteri pun nampaknya elok.)

B: /Weh, kito tokleh lamo ni, nok gi *tanakan* nok ambek duit. Minggu dakpe nok ata anok gi *sema mahawithialai*/  
(Eh, saya tak boleh lama di sini, nak pergi bank ambil wang.  
Minggu depan nak hantar anak daftar masuk universiti.)

A: /Laa... anok hok mano/  
(Anak yang mana?)

B: /Anok hok *neng*/  
(Anak pertama.)

A: /Buleh *mahawitchialai* mano/  
(Dapat universiti mana?)

B: /*Mahawitchialai* Chulalongkorn/  
(Universiti Chulalongkorn.)

(Disesuaikan daripada Mariani Aziz: 1999/2000:42)

Contoh di atas menunjukkan penggunaan bahasa Thai dalam perbualan di wilayah Selatan Thailand apabila perkara yang dibincangkan itu berkaitan dengan pentadbiran, walaupun dalam situasi yang tidak formal. Menurut Hara Shintaro (2001), “Nama-nama makanan dan minuman yang dijual di kedai biasanya disebut mengikut bahasa Thai” seperti contoh yang telah beliau kemukakan, berikut:

*Semasa memesan makanan*

Pelayan : /make gapo/  
(makan apa?)

Pengguna A : /kai ya ? sai so, demo make gapo/  
(nasik telur bungkus satu, kau makan apa?)

Pengguna B	: /kuai tiaw nam so/ (kuai tiaw sup satu)
Pelayan	: /ai gapo/ (air apa)
Pengguna B	: /cha yen so/ (teh ais satu)
Pengguna A	: /cha rong so/ (teh panas satu)
Pelayan	: /make ‘sini ko sai ho?/ (makan di sini atau bungkus?)
Pengguna A	: /make ‘sining/ (makan di sini)

( Dipetik daripada Shintaro:2001:188)

Melalui contoh perbualan di atas dapat dilihat bentuk bahasa Melayu yang digunakan di kawasan tersebut dan pengaruh bahasa Thai dalam penggunaan bahasa Melayu.

Menurut Saynee Mudmar (1988) penggunaan bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua situasi yang berbeza. Dalam situasi tidak formal, bahasa Melayu digunakan dalam komunikasi kumpulan komuniti untuk urusan harian. Dalam situasi formal mereka menggunakan bahasa Melayu Standard, seperti ketika membaca teks khutbah jumaat di masjid atau bertutur dengan orang asing.

### **1.5.3 Fungsi Bahasa Melayu di Selatan Thailand**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, bahasa Melayu merupakan bahasa kumpulan minoriti kedua penting dan merupakan salah satu mata pelajaran bahasa asing dalam sistem pendidikan di Thailand.

Wirowit Baru (1999) mengatakan bahasa Melayu berfungsi sebagai salah sebuah bahasa vernakular penduduk minoriti di negara Thai. Namun demikian, peranannya berlainan dengan bahasa-bahasa vernakular yang lain di negara ini. Selain jumlah penutur yang melebihi dua juta orang, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa berdifusi luas di Wilayah Sempadan Selatan Thai yang dikaitkan statusnya dengan agama Islam, seperti menjadi bahasa yang digunakan dalam semua urusan keagamaan, bahasa pengantar pendidikan agama Islam dan sebagainya.

Umumnya kawasan penyebaran orang Melayu di Thailand ialah di Selatan Thai, Bahagian Tengah Negara Thai, Bahagian Timur Negara Thai, Bahagian Barat Negara Thai dan Bahagian Utara Negara Thai. Walau bagaimanapun, menurut Worawit Baru (1999) orang Thai keturunan Melayu, walaupun terdapat di beberapa wilayah di negara ini, banyak mendiami kawasan lima wilayah sempadan Selatan Thai (Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan Songkla), terutamanya di tiga buah wilayah Melayu, iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Orang Melayu di ketiga-tiga wilayah ini menjalankan kehidupan mereka yang

hampir sama dengan orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia. Mereka menganut agama Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu.

Menurut Saynee (1988), perkaitan rapat di antara bahasa Melayu dan agama Islam boleh dilihat dalam dua fenomena yang utama. Pertama, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan agama di kawasan Asia Tenggara sejak lima ratus tahun yang lalu. Bagi Selatan Thailand, buku teks tentang agama Islam yang digunakan dalam pengajaran agama di sekolah pondok, adalah dalam bahasa Melayu dan menggunakan tulisan jawi yang dikenali sebagai Kitab Jawi. Kitab Jawi ini juga digunakan dalam pengajaran Islam di kalangan penutur Thai Muslim di serata tempat di Thailand. Penggunaan Kitab Jawi yang meluas di kalangan penutur Thai Muslim jelas menunjukkan keperluan bahasa Melayu tersebut.

Fenomena kedua adalah dalam upacara-upacara keagamaan. Didapati bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa untuk khutbah jumaat. Sebagai contoh di masjid-masjid di Pattani, menjadi kebiasaan khutbah jumaat menggunakan bahasa Melayu Standard. Penggunaan bahasa Melayu Standard ini dalam khutbah Jumaat adalah disebabkan upacara ini merupakan satu upacara yang formal, dan kebiasaannya khutbah dibaca daripada teks bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam wilayah. Walau bagaimanapun, Khatib biasanya akan beralih menggunakan bahasa Melayu dialek tempatan apabila membuat penerangan atau menjelaskan perkara yang tidak terdapat dalam teks. Khatib dari generasi tua

biasanya lebih sering beralih untuk menggunakan dialek tempatan berbanding dengan khatib dari generasi muda.

Walau bagaimanapun, di sesetengah tempat fenomenanya agak berbeza. Sebagai contoh, di Satun kebanyakannya masjid menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa untuk khutbah jumaat. Namun agak banyak juga masjid yang menyampaikan khutbah menggunakan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Thai dan bahasa Melayu. Mereka menggunakan bahasa Thai kerana ianya bersifat lebih praktikal kerana majoriti umat Islam di kawasan ini penutur bahasa Thai. Walau bagaimanapun, perlu juga bahasa Melayu digunakan kerana generasi tua kebanyakannya tidak memahami bahasa Thai dan juga adanya anggapan tentang kesucian agama Islam dan bahasa Melayu merupakan bahasa yang lebih sesuai. Oleh itu, dalam upacara agama bahasa Melayu mesti digunakan.

Bahasa Melayu juga amat penting dalam upacara nikah kahwin. Upacara pernikahan di wilayah-wilayah Selatan Thailand ini dijalankan oleh kadhi yang merupakan imam (imam masjid tempatan). Di Pattani, bahasa Melayu Standard digunakan dalam upacara nikah kahwin. Penggunaan bahasa selain daripada bahasa Melayu dianggap tidak mengikut adat atau tidak baik. Oleh itu, lelaki Islam Thai walaupun mungkin hanya tahu bahasa Thai, yang ingin berkahwin mestilah belajar untuk menyebut lafaz nikah dalam bahasa Melayu yang betul. Penggunaan bahasa Melayu amat penting dalam upacara nikah kahwin, seperti yang dijelaskan oleh Saynee Mudmar,

“ A Thai-speaking Muslim man wishing to marry a Malay-speaking girl must learn to pronounce the clauses in the marriage contract in Malay properly. Language is considered very important in the marriage ceremony to the extent that not being able to utter the clause of the marriage contract would not only cause embarrassment to the groom but also bring disgrace to the bride's family.”

(Saynee Mudmar, 1988:96)

Perbincangan di atas menunjukkan fungsi bahasa Melayu di Selatan Thailand adalah amat penting dari segi keagamaan, sama ada pendidikan agama atau upacara keagamaan.

#### 1.5.4 Status Bahasa Melayu di Selatan Thailand

Seperti yang telah dinyatakan kerajaan negara Thai hanya memilih bahasa Thai sahaja sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Walau bagaimanapun, di empat buah wilayah selatan (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun) kerajaan seolah-olah terpaksa membenarkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi yang berhubung dengan orang Melayu dan urusan agama Islam.

Akta Perundangan Islam negara Thai (1946) telah mengesahkan kuat kuasa perundangan Islam (syariah) berhubung dengan perkahwinan dan pentadbiran harta pusaka di kalangan masyarakat Islam di keempat-empat wilayah tersebut. Di bawah akta tersebut, dua orang kadhi yang terkenal di

negara ini dengan gelaran **Datok Yutitham** dilantik bagi setiap wilayah. Tugas kadhi antara lain adalah menasihati hakim Thai berhubung dengan amalan dan kepercayaan dalam agama Islam, terutamanya tentang nikah kahwin dan pentadbiran harta pusaka. Ini kerana selain daripada dua perkara tersebut, hal-hal lain tertakluk kepada undang-undang Thai. Sehubungan itu, apabila seseorang Thai Islam dibawa ke muka pengadilan, beliau akan disediakan dengan penterjemah bahasa Melayu dan bahasa Thai yang merupakan kakitangan mahkamah. Amalan ini telah dilakukan sejak awal abad ke-20 lagi. Menurut Saynee Mudmar,

“At present, not only are the courts in the Four Southern Provinces staffed with the translators but also the court in the adjacent province of Songkla, the province which contains a sizeable number of Malay-speaking people in the districts of Chana, Thepa, Sabayoi and Nathawee.”

(Saynee Mudmar, 1988:97)

Bahasa Melayu juga digunakan dalam dokumen undang-undang berhubung dengan perkahwinan. Di keempat-empat wilayah tersebut, Majlis Agama Islam Wilayah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil perkahwinan. Didapati di Yala, Pattani dan Narathiwat sijil perkahwinan itu ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi (lihat *Lampiran I: Surat Nikah atau Surat Keterangan Nikah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Yala*). Walau bagaimanapun, di Satun, Majlis Agama Islam Satun mengeluarkan sijil perkahwinan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Secara umum dapat dilihat kebanyakan polisi kerajaan tidak memihak ke arah perkembangan bahasa ini. Bahasa Melayu tidak mendapat tempat dalam bidang percetakan atau penerbitan di Thailand. Didapati tidak ada majalah, surat khabar, buku atau bahan bercetak yang lain yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, kecuali buku teks yang digunakan di sekolah pondok swasta dan di masjid.

Stesen penyiaran Thai juga didapati rata-rata menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa perantara. Semua siaran televisyen Thai adalah dalam bahasa Thai. Cuma ada sebuah stesen radio tempatan (terhad) yang menyiarangkan rancangan dalam bahasa Melayu dialek Patani. Walau bagaimanapun, siaran dalam bahasa Melayu itu hanya satu atau dua jam sahaja sehari.

Oleh itu didapati kebanyakan masyarakat Melayu Thai yang masih tebal sentimen kemelayuannya, dan tinggal di kawasan sempadan Malaysia akan mendapatkan bahan bercetak dari Malaysia dan menonton rancangan televisyen Malaysia.

Kerajaan Thai pada awal abad ke-20 sebenarnya mengawal ketat orang Melayu khususnya Melayu Patani kerana kerajaan Melayu Patani telah cuba mendapatkan kembali hak kerajaan sendiri yang telah diambil dengan rasminya oleh kerajaan Thai melalui perjanjian Perjanjian Inggeris Siam 1909 seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Hal ini secara tidak langsung telah mengancam

kedudukan bahasa Melayu di kawasan tersebut melalui dasar-dasar pendidikan dan pemerintahan negara. Abdulroya Panaemalae (1995) mengatakan, dalam era tahun 40-an hingga 70-an dulu kerajaan Thailand pernah bertindak untuk menghapuskan bahasa Melayu di Wilayah Sempadan Selatan, kononnya demi perpaduan bangsa Thai dan keseragaman dalam proses pembentukan bangsa Thai itu sendiri. Bahasa Melayu sama sekali tidak mendapat tempat dan perhatian daripada pihak pemerintah.

Bagi masyarakat Melayu Islam di wilayah yang bersempadan dengan Malaysia, mereka masih menggunakan bahasa Melayu. Menurut Abdulroya Panaemalae (1995),

“Walaupun mereka hidup dalam sebuah negara yang menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa rasmi yang mempunyai sistem tatabahasa dan kebudayaan yang jauh berbeza dengan akal budi, citarasa orang Melayu. Namun mereka dapat mengekalkan identiti dan tradisi-tradisi lama orang Melayu. Dalam bidang kebahasaan dan kebudayaan, mereka masih mengamalkan identiti kemelayuan sebagai corak kehidupan dan amalan harian baik dari segi pakaian, percakapan dan perlaksanaan sistem kehidupan yang lain. Dalam bidang pendidikan, pun demikian, selain terpaksa belajar bahasa rasmi iaitu bahasa Thai, mereka tidak lupa untuk belajar bahasa Melayu dan ilmu pengajian Islam dari pondok-pondok, surau, masjid, sekolah agama dan madrasah yang pada umumnya terdapat di merata tempat di wilayah sempadan selatan.”

(Abdulroya Panaemalae, 1995:60)

Sistem pendidikan di keempat-empat wilayah iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun dikategorikan dalam Daerah Pendidikan Dua (Khet Kan

Suksa Song) oleh bahagian pentadbiran pendidikan, Kementerian Pendidikan Thailand. Sistem pendidikan di Daerah Pendidikan Dua ini berlainan sedikit dengan sistem pendidikan di daerah pendidikan lain oleh kerana perbezaan di antara agama, bahasa dan kebudayaan (Worawit Baru, 1990; Nureeda Salaemae, 2000). Sistem pendidikan di kawasan tersebut dibahagikan kepada dua aliran, iaitu pendidikan Siam dan Pendidikan agama Islam. Pendidikan agama Islam disampaikan di sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah yang menerima bantuan daripada kerajaan. Di sesetengah sekolah agama (yakni sekolah swasta agama yang tidak mendapat peruntukan kerajaan), bahasa yang digunakan sebagai medium penyampai maklumat ialah bahasa Melayu. Ini bermakna di keempat-empat wilayah tersebut bahasa Melayu bersinonim dengan agama Islam.

Sehubungan itu, menurut Wirowit Baru (1999), “Kedudukan BM di WSST<sup>3</sup> sedemikian menyebabkan wujudnya situasi *setia terhadap BM* di kalangan orang Melayu di situ”.

Walau bagaimanapun, kini didapati kerajaan Thailand seolah-olah telah memberi sedikit peluang untuk bahasa Melayu hidup semula di negara itu. Kerajaan pusat telah memberi pengiktirafan terhadap bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa, yang dikenali sebagai Dialek Selatan yang diberi perhatian dan dibaik pulih semula mengikut kadar kepentingan semasa. Oleh itu menurut

---

<sup>3</sup> WSST bermaksud Wilayah Selatan Selatan Thai..

Abdulroya Panaemalae (1995), “...jabatan-jabatan pengajian Bahasa Melayu telah pun wujud di beberapa pusat pengajian tinggi di Thailand, ...”

Projek kerjasama ekonomi antara tiga negara, iaitu *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* atau singkatannya IMT-GT secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap kedudukan bahasa Melayu di Thailand. Ini kerana projek ini melibatkan kawasan yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu. Maka secara tidak langsung bahasa Melayu telah mula mendapat perhatian bangsa Thai (bukan Melayu), terutama mereka yang berkepentingan di kawasan Thai Selatan seperti usahawan, pedagang-pedagang dan sebagainya.

Untuk merealisasikan projek ini, kerajaan Thai mengatur beberapa langkah seperti mengadakan kursus bahasa Melayu kepada pengawai-pegawai kerajaan yang bekerja di wilayah sempadan Thai Selatan. Di samping itu bahasa Melayu juga telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah rendah, sebagai salah satu bahasa yang perlu dipelajari secara sistematik.

## 1.6 Permasalahan Kajian

Negara Thai merupakan sebuah negara di rantau Asia Tenggara yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa dunia. Negara yang telah lama bertamadun ini telah memilih bahasa Thai yang digunakan di kawasan tengah negara itu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan tunggal negara. Walau

bagaimanapun, wilayah-wilayah yang terletak di selatan merupakan kawasan yang asalnya merupakan wilayah pentadbiran kerajaan Melayu Patani, yang telah diserahkan kepada pemerintahan Thai mengikut Perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1909. Faktor inilah yang menyebabkan bahasa Melayu menjadi bahasa kumpulan minoriti di negara ini. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa asal keturunan Thai Muslim di negara ini, yang menurut Ahmad Omar Chapakia,

“Mereka berasal daripada Rumpun Bangsa Melayu dan kedudukan sekarang sebagai warga negara Thai. Mereka adalah penduduk minoriti terbesar di dalam negara yang jumlah mereka tidak kurang daripada 4 juta jiwa.”

(Ahmad Omar Chapakiya, 2002:1)

Di samping itu, kajian-kajian yang lalu seperti kajian yang dibuat oleh Bibi Aminah Abdul Ghani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993), David (1996) dan Lim (1997) menunjukkan bahawa bahasa kumpulan minoriti di sesebuah negara itu dalam jangka masa yang panjang akan pupus akibat faktor sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan pembinaan negara bangsa. Hal ini juga telah dinyatakan oleh Nor Hisham Osman seperti berikut;

Bagi golongan minoriti dalam sesebuah negara, bahasa ibunda boleh pupus kerana disisih oleh bahasa kebangsaan atau bahasa antarabangsa kerana faktor sosioekonomi. Demi untuk meningkatkan diri dalam ekonomi dan meningkatkan taraf sosial, golongan minoriti terpaksa menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa antarabangsa yang lebih berprestij dan efisien yang mana bahasa ini menjadi bahasa perhubungan dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan perdagangan.

(Nor Hisham Osman, 1999:38)

Kalau dilihat dalam bidang pendidikan bahasa pula, didapati sikap seseorang murid amat erat hubungannya dengan motivasi untuk belajar bahasa. Umumnya mereka tidak akan berminat mempelajari sesuatu bahasa sekiranya bahasa tersebut tidak membawa apa-apa manfaat kepada mereka. Apa lagi sekiranya bahasa itu mendapat tempat yang rendah, misalnya bahasa kepunyaan masyarakat minoriti yang rendah kedudukan sosioekonominya. Sebaliknya sekiranya sesuatu bahasa itu berkait secara langsung dengan taraf kedudukan yang tinggi dalam masyarakat, atau peluang pekerjaan yang bergaji besar, dan sebagainya, maka pembelajaran dan penguasaan bahasa itu menjadi tumpuan utama para pelajar. Hal ini memang tidak dapat dinafikan. Kajian-kajian yang telah dibuat oleh sarjana seperti Gardner (1985), Baker (1992), Kamsiah Abdullah (2000) dan sebagainya lagi telah membuktikan kenyataan itu.

Permasalahan dalam kajian ini adalah berkisar tentang sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar universiti di selatan negara Thai yang mengikuti kursus bahasa Melayu di peringkat universiti. Bahasa Melayu di negara ini dari segi kedudukan dan statusnya adalah sebagai bahasa golongan minoriti yang tidak mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang menggalakkan.

### **1.7 Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di kedua-dua buah

universiti. Tumpuan akan diberi kepada aspek sikap yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa, di samping penggunaan bahasa pelajar mengikut domain, iaitu untuk meneliti:

- a. sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu,
- b. sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu,
- c. motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu,
- d. penggunaan bahasa Melayu pelajar,
- e. perkaitan di antara sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar, dan
- f. perkaitan dasar bahasa dengan sikap dan penggunaan bahasa Melayu

## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bersifat eklektik, iaitu tidak terikat dengan satu-satu teori, yakni menggunakan mana-mana teori, pendekatan atau kaedah dari pelbagai sumber mengikut kesesuaian dalam mengkaji sikap terhadap bahasa dan menggunakan bahasa yang berstatus sebagai bahasa kaum minoriti dan dipelajari sebagai satu mata pelajaran bahasa asing.

Kajian ini bersifat kuantitatif dan kualitatif. Beberapa kaedah telah digunakan semasa penyelidikan dijalankan. Untuk tujuan mengumpul data, dua

kaedah telah digunakan, iaitu kaedah soal selidik dan kaedah pemerhatian. Data yang dikumpul melalui soal selidik kemudiannya dianalisis menggunakan program SPSS Versi 10.0.

Responden dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu atau pengajian Melayu di Universiti Prince of Songkla dan Universiti Walailak. Semua pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu pada sesi 2002 di kedua-dua universiti dijadikan sebagai responden dalam kajian ini.

Pelajar Universiti Prince of Songkla (PSU) Pattani dipilih menjadi responden, kerana universiti ini merupakan universiti yang tertua di Selatan Thai, dan kursus pengajian Melayu atau bahasa Melayu telah lama ditawarkan di universiti ini. Menurut Dr. Worawit Baru, iaitu Timbalan Presiden Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Prince of Songkla Pattani (sebelum ini beliau adalah Ketua Jabatan Pengajian Bahasa-bahasa Timur di Universiti Prince of Songkla Pattani), kursus Bahasa Melayu telah mula ditawarkan pada tahun 1976. Pada waktu itu, kursus ini ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan (*elective paper*). Kemudian pada tahun 1991 kursus Bahasa Melayu telah berkembang. Di samping ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan, jurusan Bahasa Melayu juga telah ditawarkan kepada pelajar. Pelajar boleh mengambil kursus bahasa Melayu ini sebagai satu pengkhususan (*Single Major*) atau dua pengkhususan (*Double Major*) dengan kursus bahasa lain.

Pelajar Universiti Walailak (WU) pula dipilih kerana universiti ini merupakan universiti yang terbaru di Selatan Thai dan telah memulakan pengambilan pelajar pada Mei 1998. Kursus bahasa Melayu mula ditawarkan kepada pelajar sebagai bahasa asing pada sesi 2001/2002. Universiti Walailak mengadakan projek usaha sama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan rangka kursus bahasa Melayu yang ditawarkan di universiti berkenaan telah direka bentuk oleh pensyarah bahasa Melayu UiTM. Pensyarah yang mengajar kursus bahasa Melayu juga merupakan pensyarah dari UiTM yang mengajar di WU melalui skim pertukaran pensyarah yang dibuat melalui persefahaman kedua-dua universiti.

Di samping perbezaan dari segi umur kursus bahasa Melayu yang ditawarkan di kedua-dua universiti, kedudukan universiti juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pelajar di kedua-dua universiti tersebut dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Universiti Prince of Songkla Pattani terletak di kawasan selatan, Selatan Thai manakala Universiti Walailak terletak di bahagian utara Selatan Thai.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan baik untuk Malaysia mahupun bagi negara Thai. Bahasa Melayu memang merupakan salah satu bahasa yang ditawarkan sebagai bahasa asing di hampir seluruh universiti di setiap

negara di Asia Tenggara, yang bahasa kebangsaannya bukan bahasa Melayu. Di samping itu, bahasa Melayu juga diajar sebagai bahasa asing di hampir keseluruhan negara di dunia, seperti Filipina, India, China, Korea Selatan, Korea Utara, Jepun, Australia, Rusia, Azerbaijan, Amerika Syarikat, Perancis, Uzbekistan, Ukraine, New Zealand, Pakistan, Belanda, Denmark, Jerman, Sweden, United Kingdom dan Vietnam (Sumber: Buletin Rasmi Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu, Ogos 2001). Oleh itu maklumat daripada hasil penyelidikan ini tentunya akan dapat digunakan sebagai asas membina kurikulum atau rangka kursus bahasa Melayu untuk warga asing, penyediaan kaedah pengajaran, penyediaan modul kursus dan juga asas untuk polisi pemasaran kursus yang ditawarkan.

Kebanyakan negara menghadapi masalah yang berhubung dengan kaum minoriti dan bahasa kumpulan minoriti. Walau bagaimanapun, usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan demi keadilan sejagat, seajar dengan hak asasi manusia. Pemahaman tentang sikap dan pandangan pelajar terhadap bahasa kaum minoriti dan gambaran tentang tahap penggunaan bahasa tersebut, dapat membantu sesebuah negara membentuk strategi atau dasar yang sesuai bagi tujuan asimilasi, integrasi terhadap kumpulan minoriti dan seterusnya perpaduan negara.

Sejak dekad yang lalu banyak pihak yang telah mencadangkan supaya bahasa Melayu diangkat menjadi salah satu bahasa antarabangsa. Berbagai

seminar dan konvensyen telah diadakan. Malah menurut Abdulroya Panaemalae (1995, "...bekas Presiden Republik Indonesia, Allahyarham Bung Karno, dikatakan pernah bersuara dan mencadangkan kepada pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB) supaya bahasa Melayu dijadikan sebagai salah satu bahasa yang setaraf dengan bahasa-bahasa lain yang diiktiraf oleh PBB seperti Bahasa Inggeris, Perancis, Arab dan sebagainya". Untuk merealisasikan perkara ini bahasa Melayu perlu diajar dan dipelajari oleh semua masyarakat dunia. Oleh itu, kajian sikap pelajar mempelajari bahasa Melayu ini boleh menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha pengembangan bahasa Melayu dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan kejayaannya.

Persefahaman Tiga Segi Utara yang ditandatangani pada tahun 1996 yang berkaitan dengan kerjasama ekonomi, kebudayaan dan pendidikan di antara Malaysia, Indonesia dan Thailand telah menyebabkan bahasa Melayu menjadi mata pelajaran penting bagi universiti wilayah-wilayah selatan Thailand. Bahasa Melayu digunakan dalam urusan perniagaan di kawasan-kawasan sempadan. Di samping itu, bahasa Melayu amat penting untuk berkomunikasi di kawasan tersebut kerana menurut Pongsri Lekawatana (1994), "*More than half of the population in these provinces are muslims and speak the local variety of Malay as their first language.*" Dengan itu, kajian ini tentunya dapat dijadikan sebagai panduan kepada pentadbiran kawasan sempadan selatan Thailand bagi tujuan membuat dasar-dasar memajukan ekonomi, pembangunan dan pelancongan di kawasan tersebut.

### **1.10 Ruang Lingkup Kajian**

Ruang lingkup kajian ini terhad kepada sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di universiti di Selatan Thailand. Bahasa Melayu merupakan bahasa kumpulan minoriti kedua terbanyak di negara Thai dan dipelajari sebagai bahasa asing di universiti.

Responden dalam kajian ini terhad kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Bahasa Melayu di dua buah universiti di Selatan Thailand, iaitu Universiti Prince of Songkla, Pattani dan Universiti Walailak, Nakhon Sri Tammarat.


Kursus Bahasa Melayu ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing. Walau bagaimanapun, hanya pelajar dua universiti tersebut sahaja yang dipilih sebagai responden kerana kedudukan dan persekitaran yang berbeza. Universiti Prince of Songkla, Pattani terletak dalam persekitaran bahasa Melayu dialek Patani digunakan sebagai salah satu bahasa untuk berkomunikasi dengan komuniti setempat. Manakala Universiti Walailak pula terletak di Nakhon Sri Tammarat, iaitu sebuah wilayah yang terletak di bahagian utara Selatan Thailand. Universiti Walailak terletak di kawasan bahasa Melayu tidak digunakan sebagai bahasa untuk komunikasi di kalangan masyarakat setempat. Ini kerana walaupun daerah Thasala mempunyai penduduk majoriti beragama Islam dan asal-usulnya keturunan Melayu, komuniti tersebut sudah tidak tahu berbahasa Melayu dan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertuturan dan komunikasi.

Sikap bahasa yang ditinjau dalam kajian ini terhad kepada pandangan pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu dan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Penggunaan bahasa Melayu pelajar yang analisis dalam kajian ini pula hanya terhad kepada enam domain penggunaan bahasa, iaitu doman kekeluargaan, domain kejiran, domain persahabatan, domain pentadbiran dan pengurusan, domain jual beli dan domain keagamaan.

### 1.11 Tempat Kajian

Kajian ini ini telah dijalankan di duan buah universiti di Selatan Thailand, iaitu Universiti Walailak (WU), Nakhon Sri Tammarat dan Universiti Prince of Songkla (PSU), kampus Pattani. PSU terletak di kawasan bahasa Melayu dialek Patani masih digunakan sebagai bahasa perhubungan, manakala WU terletak di kawasan persekitaran yang penduduknya tidak menggunakan bahasa Melayu lagi untuk berkomunikasi. Sila lihat Peta 1.1 (wilayah-wilayah yang terletak di Selatan Thai dan kedudukan PSU dan WU di bawah.



**Peta 1.1: Wilayah-wilayah yang Terletak di Selatan Thai dan Kedudukan Universiti Prince of Songkla (PSU) dan Universiti Walailak (WU)**  
Disesuaikan dari Sumber <http://www.thailand-map.net/>

Wilayah-wilayah selatan Selatan Thailand terdiri daripada wilayah yang bersempadan atau hampir dengan Semenanjung Malaysia, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Songkla, dan Satun. Di bahagian Utara Selatan Thai pula terdiri daripada wilayah-wilayah Phattalung, Trang, Krabi, Pangnga, Phuket, Nakhon Sri Tammarat, Surat Thani, Ranong dan Chumporn. Wilayah-wilayah ini asalnya merupakan sebahagian daripada kawasan kerajaan Melayu yang dimasukkan di bawah pemerintahan Thai pada tahun 1909.

Dari segi bahasa pertuturan, bagi tiga wilayah sempadan selatan Selatan Thai iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat mereka masih menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pertuturan di kalangan ahli keluarga dan komunitinya. Menurut Ilyas Mahyudin (1995) majoriti penduduk di kawasan ini adalah beragama Islam (sekitar 80% dari jumlah penduduk 2.2 juta), menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa Thai sebagai bahasa kedua dan masih mengamalkan adat dan kebudayaan Melayu.

Bagi wilayah sebelah utara pula, iaitu Phattalung, Trang, Krabi, Pangnga, Phuket, Nakhon Sri Tammarat, Surat Thani, Ranong dan Chumporn rata-rata penduduk yang dikategorikan sebagai Thai Muslim ini sudah tidak tahu berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat juga penduduk di kampung-kampung tertentu di daerah berkenaan yang masih menggunakan bahasa Melayu. Mereka

ini biasanya masih mempunyai hubungan dengan wilayah sempadan selatan Thai atau komuniti yang dahulunya berasal daripada sempadan Malaysia.

Daripada kajian yang dijalankan didapati kursus bahasa Melayu ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing di semua universiti dan kolej di wilayah-wilayah selatan. Kerajaan Thailand telah menubuhkan universiti di kawasan selatan, dengan tujuan untuk memperkembangkan peluang pembelajaran ke selatan dalam usaha meningkatkan piawai pendidikan serta memenuhi keperluan pembangunan di rantau tersebut. Oleh itu, kebanyakan pelajar yang melanjutkan pelajaran di kedua-dua universiti adalah dari wilayah-wilayah Selatan Thailand. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang datang dari kawasan utara, timur, barat dan tengah Thailand yang datang belajar di universiti-universiti tersebut, tetapi bilangannya agak kecil.

Universiti Prince of Songkla merupakan universiti pertama yang didirikan di Selatan Thailand dengan tujuan untuk memperkembangkan peluang pembelajaran ke selatan dalam usaha meningkatkan piawai pendidikan serta memenuhi keperluan pembangunan di rantau tersebut.

Universiti ini diberi nama *University of the South* oleh Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pembangunan Rantau Selatan, iaitu Kolonel Thanat Khoman. Kemudian Baginda Raja Bhumibol Adulyadej telah mengurniakan nama diraja Songklangarind (Prince of Songkla) kepada universiti tersebut sempena pangkat

diraja ayahanda baginda iaitu Tuanku Putera Mahidol dari Songkla. Pada tahun 1967, Universiti Prince of Songkla telah menerima pelajar-pelajar sulungnya dan pengajian dijalankan di premis sementara di Bangkok. Universiti ini kemudiannya memindahkan para pelajarnya ke kampus sendiri di Tambol Roosamilae, Pattani dalam tahun 1968, dan di Tambol Kohong, Hatyai, Songkla dalam tahun 1971.

Sepuluh tahun pertama menampakkan perkembangan dalam disiplin keilmuan. Lima tahun berikutnya pula, universiti ini memainkan peranan yang lebih dalam memberikan perkhidmatan akademik kepada masyarakat dengan mempelbagaikan disiplin keilmuan sebagai memenuhi keperluan rantau dan negara. Sepanjang tempoh lima tahun berikutnya, universiti ini telah meningkatkan kedua-dua output kajiannya dan kepelbagaian perkhidmatan akademik yang ditawarkan kepada masyarakat. Beberapa unit baru ditubuhkan untuk menampung perkembangan peranan yang dimainkan. Di samping menyediakan keupayaan akademik, universiti ini turut memberi sumbangan kepada ekonomi nasional dan perkembangan sosial, terutamanya di rantau selatan.

Kini universiti ini mempunyai lima cawangan yang semuanya terletak di daerah-daerah Selatan Thai, iaitu cawangan Surat Thani, Phuket, Trang, Hadyai dan Pattani. Namun kursus bahasa Melayu hanya ditawarkan di cawangan Pattani dan cawangan Hadyai (sebagai satu mata pelajaran pilihan sahaja) .Di Kampus

Pattani, kursus Bahasa Melayu ditawarkan melalui Jabatan Bahasa Timur, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial.

Universiti Prince of Songkla Kampus Pattani terletak di Tambol Roosamilae, Daerah Muang, Pattani, di dalam kawasan seluas 380 ekar. Kampus Pattani adalah pusat untuk Pendidikan dan Demokrasi, Kemanusiaan dan Sains Sosial serta Sains dan Teknologi.

Universiti Walailak (WU) pula merupakan sebuah universiti terbaru di Selatan Thailand. Universiti ini ditubuhkan pada tahun 1992 dan mula mengambil pelajar pada bulan Mei 1998. Universiti ini menawarkan kursus pada peringkat ijazah dan Ijazah lanjutan. Sehingga kini, universiti ini menawarkan 25 kursus pada peringkat ijazah, 9 kursus peringkat sarjana dan 5 kursus peringkat doktor falsafah.

Universiti Walailak terletak di wilayah Nakhon Sri Tammarat, iaitu sebuah wilayah yang terletak di bahagian utara Selatan Thailand, iaitu lebih kurang 800 km dari Bangkok dan kurang daripada 300 km dari sempadan Malaysia. Universiti ini mempunyai kawasan yang sangat luas, iaitu lebih 4000 ekar. Ini bermakna universiti ini merupakan universiti yang terluas di kawasan Asia Tenggara.

Universiti Walailak ditubuhkan untuk menyediakan tenaga kerja pada peringkat ijazah selaras dengan persefahaman tiga segi utara antara Thailand, Utara Malaysia dan Indonesia. Misi universiti ini adalah untuk kecemerlangan akademik melalui penyelidikan yang berterusan dalam bidang ilmu baru dan mengekalkan Standard pengiktirafan antarabangsa dalam bidang pengajaran berdasarkan teknologi dalam dunia globalisasi. Ia selaras dengan usaha untuk melahirkan siswazah yang berilmu dan beretika bagi tujuan demokrasi.

### 1.12 Kesimpulan

Faktor sejarah dan politik negara menjadikan bahasa Melayu di Selatan Thai yang asalnya merupakan bahasa pentadbiran dan bahasa komunikasi penting di wilayah-wilayah tersebut, berubah kedudukannya kepada bahasa kaum minoriti dan ditawarkan di peringkat universiti dan sekolah sebagai satu mata pelajaran bahasa asing. Oleh itu kajian ini akan memperlihatkan sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa ini di universiti.